



2 September 2024

Kenyataan Media

PUSPAKOM MULA OPERASI SEBAGAI SYARIKAT PERTAMA PEMEGANG LESEN PEMERIKSAAN KENDERAAN DI MALAYSIA

Tempoh konsesi selama 30 tahun berakhir dan syarikat berhasrat untuk mencapai kejayaan baharu dalam persekitaran yang kompetitif

Shah Alam, 2 September 2024 – Setelah berakhirnya konsesi sebagai penyedia tunggal perkhidmatan pemeriksaan kenderaan pada 31 Ogos 2024, PUSPAKOM Sdn Bhd (“PUSPAKOM”) memulakan operasi sebagai pemegang lesen pemeriksaan kenderaan yang pertama di Malaysia pada 1 September 2024.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman berkata, anugerah lesen operasi ini membuka peluang bagi PUSPAKOM untuk menjadi entiti yang lebih lestari dan kompetitif dalam sektor automotif Malaysia.

“PUSPAKOM berbangga menjadi pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama negara, dan akan terus mengekalkan misi kami untuk menjadikan pengangkutan jalan raya yang lebih selamat melalui pemeriksaan kenderaan. Ketika persiapan untuk menghadapi landskap yang kompetitif, kami telah merangka pelan yang komprehensif untuk penambahbaikan agar kami lebih bersedia pada masa hadapan. Ini termasuk naik taraf dalam perkhidmatan pelanggan, produk dan perkhidmatan baharu serta penggunaan Kecerdasan Buatan (“AI”) untuk menjadikan PUSPAKOM bersedia untuk persaingan,” kata Mahmood.

Mahmood menambah bahawa PUSPAKOM akan memanfaatkan pengalaman selama 30 tahun, digabungkan dengan teknologi, untuk kekal sebagai pilihan utama pelanggan di seluruh negara.



“Persaingan bermakna, kami perlu lebih baik daripada syarikat lain, dan pengalaman tiga dekad PUSPAKOM tidak dapat ditandingi. Apabila kami menggabungkannya dengan AI, kami dapat menjadikan perkhidmatan kami lebih cekap. Kecekapan bermakna kami dapat mengembalikan masa produktiviti kepada pelanggan, sambil menyediakan lebih banyak slot pemeriksaan kepada pasaran,” kata Mahmood.

Mahmood juga menyampaikan penghargaan kepada kerajaan, khususnya Kementerian Pengangkutan Malaysia (“MOT”) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (“JPJ”) di atas kepercayaan yang berterusan.

“Saya ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih yang kepada kerajaan, terutama Kementerian Pengangkutan dan JPJ, kerana terus meletakkan kepercayaan mereka kepada PUSPAKOM. Tidak boleh disangkal, bimbingan dan sokongan MOT serta JPJ selama 30 tahun lalu telah membantu kami menjadi lebih baik, jadi adalah penting untuk saya menyatakan penghargaan saya kepada mereka. Suatu ketika dahulu, pemeriksaan kami mengambil masa lebih daripada 75 minit. Hari ini, dengan penggunaan teknologi serta aliran kerja yang lebih baik, secara purata kami menyelesaikan pemeriksaan dalam 34 minit. Kepercayaan MOT dan JPJ merupakan pengiktirafan yang signifikan, dan PUSPAKOM tetap komited untuk menyediakan perkhidmatan terbaik meskipun kini berhadapan dengan pemain baru dalam industri pemeriksaan kenderaan,” tambah Mahmood.

PUSPAKOM juga telah memulakan operasi selama 16 jam sebagai percubaan di mana Cawangan Glenmarie di Shah Alam kini beroperasi dalam dua syif, bermula pada jam 7.00 pagi sehingga 11.00 malam.

“Percubaan operasi selama 16 jam ini adalah sebahagian daripada usaha kami untuk memperbaiki penyampaian perkhidmatan. Percubaan ini bertujuan untuk mengumpulkan data dari segi cabaran operasi dan penerimaan pelanggan. Walaupun Cawangan Glenmarie hanya untuk kereta persendirian, ia akan membolehkan kami mendapatkan data yang diperlukan dan membuat penambahbaikan sebelum melaksanakannya di lebih banyak cawangan,” jelas Mahmood.



Ahli Kumpulan



Waktu operasi yang lebih panjang akan dilaksanakan di kawasan tumpuan pasaran utama setelah fasa percubaan berjaya dan data yang diperolehi dikaji. Fasa percubaan di Glenmarie akan berakhir pada 3 Januari 2025.

#

Gambar



YB Anthony Loke, Menteri Pengangkutan (tiga dari kiri) menyerahkan lesen pengopersian PUSPAKOM kepada Mahmood Razak Bahman, Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM (dua dari kiri), Ts. Dr. Zahiri Ismail, Ketua Pegawai Operasi PUSPAKOM (kiri) dan Dato' Jana Santhiran Muniayan, KSU Kementerian Pengangkutan (kanan).



Mahmood Razak Bahman, Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM.



Ahli Kumpulan

DRB-HICOM

MENGENAI PUSPAKOM

Selepas 30 tahun konsesi, dan dengan liberalisasi industri, PUSPAKOM kini merupakan pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia.

Peranan utama kami adalah melakukan pemeriksaan kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan memastikan kenderaan mereka berada dalam kondisi yang selamat digunakan dan mematuhi peraturan alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini dicapai melalui pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh untuk memastikan pematuhan kepada peraturan keselamatan kerajaan.

Kami mempunyai rangkaian 53 pusat pemeriksaan di seluruh negara yang dilengkapi dengan peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi. Selain itu, kami mempunyai 30 tapak lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan kawasan terpencil.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM termasuk Unit Bergerak Trak (10 unit), Unit Bergerak Van (36 unit), dan Unit Bergerak Ringan (4 unit), yang menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami berbangga dalam menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap, dan tepat secara profesional.